

SOALAN NO. 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Pengerusi PAC dari Rompin boleh memadamkan kenyataan Bank Negara dalam Laporan PAC bahawa pihak berkuasa Malaysia memaklumkan Good Star Limited (GSL yang menerima USD700 juta daripada 1MDB) dimiliki oleh individu yang tidak ada hubungan kait dengan PetroSaudi Group. Adakah Low Tack Jho menguasai GSL.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengerusi PAC menerima maklumat daripada Bank Negara Malaysia yang menyatakan bahawa segala maklumat yang diberi adalah berstatus 'sulit bagi tujuan risikan sahaja dan bukan untuk tujuan kegunaan mahkamah atau laporan awam'. Untuk makluman, semua anggota PAC telah dimaklumkan mengenai perkara ini melalui surat Pengerusi PAC kepada Timbalan Gabenor Bank Negara bertarikh 6 April 2016. Ini kerana laporan PAC adalah untuk kegunaan awam dan maklumat berkenaan tidak boleh dimasukkan dalam Laporan PAC.

Sekian, terima kasih.